



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my



SIARAN MEDIA

MENTERI MAFI LAWAT PUSAT PENGUMPULAN HASIL PERTANIAN (PPHP), PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN KUALA LANGAT, SELANGOR

KUALA LANGAT (Selangor) -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini melawat Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bagi melihat sendiri operasi pusat itu yang berperanan membantu memasarkan hasil-hasil pertanian ahli PP.

PPHP diwujudkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai pusat pengumpulan hasil keluaran pertanian dan platform bagi ahli-ahli peladang menyelesaikan masalah berkaitan pemasaran yang dihadapi.

Peranan PPHP ini adalah untuk membantu petani memasarkan dan menjual sendiri produk mereka terus kepada pengguna dengan menyediakan perkhidmatan kutipan hasil-hasil pertanian terus dari ladang atau kampung-kampung dengan menggunakan pengangkutan PPK.

Selain itu, fungsi PPHP ini amat penting dalam membantu mengurangkan penglibatan orang tengah yang menguasai 10% - 30% pulangan ke atas setiap ringgit dan menjamin kecukupan bekalan dan pengedaran agromakanan selain membantu dalam meluaskan pasaran produk makanan ke pasaraya.

Sehingga kini, PPHP PPK Kuala Langat mempunyai rangkaian pemasaran yang luas meliputi pasaran ke rangkaian Segi Fresh, Pasaraya Giant, Pasar Borong di Meru dan Selangor, kilang NESTLE, FAMA Selayang dan pasar-pasar tani.

Sebanyak 1.3 juta polybag cili telah diusahakan oleh 700 orang petani dan hasil ladang tersebut telah dipasarkan ke PPHP PPK Kuala Langat dan secara langsung dapat membantu PPHP dalam memenuhi keperluan pasaran khususnya pasaran cili dalam negara.

Dalam mendepani wabak Covid-19, PPHP PPK Kuala Langat telah mengambil inisiatif bagi menyediakan khidmat pengangkutan coldtruck dan lori biasa mengikut kesesuaian untuk membawa hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh peladang.

PPHP ini yang beroperasi 7 hari seminggu bagi memastikan sayuran petani dapat dijual di pasaran sedia ada serta sentiasa memastikan kualiti sayuran yang dipasarkan terjamin selaras dengan fokus utama PPHP menjalankan aktiviti pemborongan sayur-sayuran.

LAHIR PELADANG PROGRESIF



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO : QMS 01198

Perkhidmatan yang disediakan di PPHP PPK Kuala Langat ini bukan sahaja dapat memastikan hasil keluaran peladang terjamin malah dapat memastikan peladang mendapat pulangan yang memuaskan daripada usaha yang dijalankan.

Disamping itu, perkhidmatan PPHP juga akan menjadi pemangkin bagi menggalak dan mendorong para peladang untuk menceburi bidang pertanian berskala besar dengan mengguna teknologi moden yang sesuai.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

26 JANUARI 2021

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Aduni Adlin Binti Mohd Bee

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Selangor

019-223 8051.